

**PELAWAAN CABUTAN UNDI PENGGILIRAN KONTRAKTOR GRED G1 YANG
BERDAFTAR DI DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN BIL 01/2021**

Sukacita dimaklumkan bahawa Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan akan mengadakan Sesi Cabutan Undi Penggiliran Kontraktor Projek-Projek Kecil yang berdaftar di Daerah Seberang Perai Selatan.

2. Sehubungan itu, semua **Kontraktor Kelas G1** yang berdaftar di Daerah Seberang Perai Selatan dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, **mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** yang berminat adalah dijemput untuk menghadiri sesi pengundian ini yang akan dijalankan seperti ditetapkan berikut :-

Tarikh : 16 Julai 2021 (Jumaat)

Masa : 10.00 pagi

Tempat : Pengundian secara atas talian melalui Aplikasi ZOOM

Pautan:

<https://zoom.us/j/99838549691?pwd=SXc1OVA1UHF3VWNkTkxi dUNvTDRqdz09>

Meeting ID : 998 3854 9691

Passcode : 448415

*** Pengesahan kehadiran di atas talian Aplikasi ZOOM adalah di atas NAMA SYARIKAT yang telah mendaftar untuk sesi cabutan undi penggiliran dengan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan (PDTSPS).**

3. Kontraktor yang layak dan berminat untuk menyertai cabutan undi penggiliran secara aplikasi ZOOM diwajibkan menghantar kepada Bahagian Pembangunan Daerah, PDTSPS dokumen-dokumen berikut untuk semakan:-

- a) Salinan dan sijil asal Perakuan Pendaftaran kontraktor (PKK) oleh CIDB yang masih sah tempoh laku;
- b) Salinan dan sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB yang masih sah tempoh laku;
- c) Salinan dan sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh CIDB yang masih sah tempoh laku; dan
- d) Resit asal atau Salinan pembayaran pendaftaran sistem ePerolehan Kerajaan Negeri

4. Penghantaran dokumen oleh kontraktor adalah mengikut **Susunan Abjad Mengikut Nama Syarikat** seperti seperti berikut:-

Masa : 8.30 pagi – 4.30 petang

A hingga G : 12 Julai 2021

H hingga N : 13 Julai 2021

O hingga T : 14 Julai 2021

U hingga Z : 15 Julai 2021

(Contoh: Syarikat ZZA ENTREPRISE – Penghantaran dokumen adalah pada 14 Julai 2021

AZ ENTREPRISE – Penghantaran dokumen adalah pada 12 Julai 2021)

5. Untuk makluman, hanya pemilik lesen dibenarkan untuk menyertai cabutan secara aplikasi ZOOM. Kegagalan untuk mematuhi tempoh masa yang ditetapkan dan syarat yang dinyatakan seperti diatas akan menyebabkan syarikat Tuan/Puan tidak dibenarkan menyertai sesi undian ini. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.

6. Sebarang pertanyaan berhubung sesi pendaftaran ini boleh menghubungi Penolong Jurutera Bahagian Pembangunan di talian 04-5857800.



(MOHD BALKISH BIN OTHMAN)
Ketua Penolong Pegawai Daerah (P)

b.p Pegawai Daerah
Seberang Perai Selatan